



# SIARAN MEDIA

UNTUK SIARAN SEGERA

## CABUTAN PRIME BONANZA TAWAR HADIAH LUMAYAN HAMPIR RM500,000

1. Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) sebagai agensi di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) terus komited memperkasa budaya menabung dalam kalangan masyarakat melalui produk Skim Simpanan Pendidikan Nasional (Simpan SSPN). Selaras dengan usaha tersebut, pelbagai inisiatif dan kempen promosi dilaksanakan secara berterusan bagi menggalakkan amalan menabung, termasuk penganjuran Kempen Cabutan Prime Bonanza.
2. Kempen ini adalah sebagai tanda penghargaan PTPTN kepada para pendeposit yang terus komited memilih Simpan SSPN Prime sebagai pilihan utama simpanan sekali gus memupuk amalan menabung secara berterusan demi masa depan pendidikan generasi Malaysia.
3. Kempen Cabutan Prime Bonanza terbahagi kepada dua (2) kategori cabutan untuk disertai oleh pendeposit Simpan SSPN Prime iaitu kategori Platinum dan Kategori Gold. Tempoh promosi bermula 1 Julai 2026 hingga 31 Oktober 2026. PTPTN menawarkan hadiah lumayan keseluruhan bernilai hampir RM500,000 untuk 106 orang pemenang seperti berikut:

PEMENANG	HADIAH
<b>Kategori Platinum</b>	
Utama	Kereta Jaecoo J7 2WD PHEV x 1 pemenang
Kedua	Tunai bernilai RM50,000 x 1 pemenang
Ketiga	Tunai bernilai RM30,000 x 1 pemenang
Saguhati	Tunai bernilai RM1,000 x 50 pemenang
<b>Kategori Gold</b>	
Utama	Kereta Proton X50 <i>Flagship</i> x 1 pemenang
Kedua	Tunai bernilai RM30,000 x 1 pemenang
Ketiga	Tunai bernilai RM10,000 x 1 pemenang
Saguhati	Tunai bernilai RM500 x 50 pemenang

4. Untuk menyertai kempen ini, pendeposit hanya perlu membuka atau membuat penambahan simpanan dalam tempoh kempen. Setiap simpanan bersih RM100 bagi Simpan SSPN Prime akan mendapat sepuluh (10) cabutan. Menariknya, pengguna yang membuat simpanan melalui myPTPTN atau potongan gaji atau debit terus akan mendapat cabutan berganda sebanyak dua puluh (20) cabutan.

5. Pendeposit perlu memastikan akaun kekal aktif (akaun tidak ditutup) dan tidak boleh membuat pengeluaran atau pindahan simpanan sepanjang tempoh pengkalan bermula 1 November 2026 sehingga 31 Januari 2027 daripada mana-mana akaun yang didepositkan dalam tempoh kempen.

6. Ketua Eksekutif PTPTN berkata, “Kempen Cabutan Prime Bonanza merupakan manifestasi komitmen berterusan PTPTN dalam menghargai kepercayaan dan kesetiaan para pendeposit yang memilih Simpan SSPN Prime sebagai instrumen simpanan pendidikan. Kempen ini bukan sahaja menawarkan ganjaran menarik kepada para pendeposit, malah menjadi pemangkin untuk menggalakkan lebih ramai ibu bapa dan masyarakat membudayakan amalan menabung secara konsisten sebagai persediaan awal bagi membiayai pendidikan tinggi anak-anak.”

7. PTPTN turut meraikan pemenang utama Cabutan WOW! Simpan SSPN Plus 2026 dan Kempen Simpan SSPN Baru *Slay!*. Pemenang bagi hadiah utama Kategori Cabutan WOW! Plus Siri 1 memenangi hadiah wang tunai bernilai RM20,000 dan pemenang utama kategori Cabutan *Slay* 1 memenangi sebuah motosikal Yamaha NVX 155. Sesi penyampaian hadiah telah diadakan di kediaman pemenang yang disempurnakan oleh YBr. Encik Ahmad Dasuki Abdul Majid, Ketua Eksekutif PTPTN. Turut hadir YBr. Puan Wan Zawiah Wan Abu Bakar, Pengurus Besar Kanan, Jabatan Komunikasi dan Pemasaran PTPTN, Puan Yushanaliza binti Hamdan, Pengarah Negeri, Pejabat PTPTN Negeri Sembilan dan Encik Ahmad Shahril@Muhammad Shahrir Bin. Ghazali, Pengarah Negeri, Pejabat PTPTN Negeri Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

8. Simpan SSPN merupakan produk simpanan PTPTN yang menawarkan pelbagai keistimewaan dan manfaat. Antaranya ialah pelepasan taksiran cukai pendapatan ke atas simpanan sehingga RM8,000 setahun, perlindungan takaful ke atas pendeposit, Geran Sepadan secara percuma sehingga RM10,000 untuk satu keluarga yang layak, kadar dividen yang kompetitif, simpanan dijamin Kerajaan dan patuh syariah.

9. Sempena Belanjawan 2025, kerajaan telah bersetuju kriteria pemberian Geran Sepadan ke atas simpanan dalam akaun Simpan SSPN Prime bagi pelajar yang melanjutkan pengajian di Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) diperluaskan kepada keluarga berpendapatan melebihi RM4,000 sehingga RM6,000 bagi tempoh dua (2) tahun di bawah Inisiatif Geran Padanan Ihsan (GAPAI). Pendeposit yang layak kini boleh memohon geran sepadan sehingga RM5,000 untuk satu keluarga.

10. Maklumat lanjut berkenaan Simpan SSPN boleh diperolehi melalui portal rasmi [www.ptptn.gov.my](http://www.ptptn.gov.my) atau aplikasi myPTPTN untuk perkhidmatan yang lebih mudah, cepat dan selamat.

Diedarkan oleh:

**Bahagian Komunikasi Korporat**  
**Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)**  
**1 Julai 2026**

*Untuk pertanyaan daripada pihak media, sila hubungi Puan Rina Abd Rahman (019 - 3888 733) atau Puan Hasliza Abdul Latiff (019 - 354 2388)*